

Pengurusan sistematik elak pembaziran bantuan bencana

Februari 4, 2022 @ 10:45am

BANJIR yang berlaku di Lembah Klang baru-baru ini memang mengejutkan. Ia susulan hujan berterusan untuk beberapa hari akibat pergerakan lekukan tropika yang merentasi Laut Cina Selatan melalui Semenanjung Malaysia.

Pelbagai kisah dapat dirakam sepanjang peristiwa banjir berlaku. Slogan 'Rakyat Jaga Rakyat' dan 'Kita Jaga Kita' gamat dilayangkan di mana-mana media sosial sebagai tanda protes rakyat kepada tindakan lambat kerajaan dalam menangani isu ini.

Orang awam dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) antara yang terawal dilihat mengatur strategi bagi membantu mangsa-mangsa banjir.

Sumbangan kepada mangsa banjir juga tiba seperti cendawan yang tumbuh selepas hujan. Pelbagai pihak memberi bermacam inisiatif untuk membantu mangsa-mangsa banjir.

Ada yang mengumpul dana, menyediakan sukarelawan bagi membantu membersihkan rumah dan tidak kurang juga memberi pelbagai bahan makanan sama ada siap dimasak atau mentah.

Namun tanpa strategi pengurusan yang baik, berlaku pula lambakan bahan makanan di sesetengah tempat, manakala di lokasi lain pula tiada sebarang makanan diterima sehingga perlu merayu di media sosial.

Hal ini menunjukkan bahawa pengurusan sumbangan dalam menghadapi krisis atau bencana juga perlu diberikan fokus utama jika tidak mahu berlaku lagi pembaziran pada masa-masa akan datang.

Sinergi dan saluran komunikasi yang baik perlu diaplikasikan supaya semua pemberian dapat sampai kepada penerima selain mengelak berlakunya lambakan hingga ada yang tercicir daripada menerima bantuan.

Antara bantuan yang selalu diberikan dan dipandang enteng oleh kebanyakan pihak adalah pemberian baju terpakai. Mungkin ada yang melihatnya sebagai peluang mengosongkan almari pakaian. Tidak dinafikan, ada sebahagian penderma yang memberikan baju baharu atau yang masih elok. Namun, tidak kurang juga yang menderma baju sudah lusuh, koyak dan layak dijadikan alas kaki sahaja.

Budaya memberi itu bagus, namun alangkah lebih molek jika kita memberi barang yang masih dalam keadaan baik juga kepada penerima seperti firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran ayat 92 yang bermaksud; 'Kamu tidak akan memperoleh kebajikan, sebelum kamu menginfakkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa pun yang kamu infakkan, tentang hal itu sungguh, Allah Maha Mengetahui.'

Sifat empati yang tinggi perlu ada kerana ia akan membantu kita meletakkan diri dalam situasi mangsa. Adakah kita juga sudi menerima pakaian yang selayaknya menjadi alas kaki untuk dipakai? Jika jawapan kita tidak, maka mengapa pula sanggup untuk memberi kepada orang lain pakaian sedemikian?

Kisah penderma pakaian terpakai ini sudah banyak diperkatakan. Namun, ada sisi lain yang perlu juga kita beri perhatian sewaktu bencana ini. Iaitu untuk mengelakkan pakaian ini 'dibakulsampahkan' sahaja akhirnya.

Penerimaan derma pakaian terpakai ini perlu diletakkan Prosedur Operasi Standard (SOP) dari awal lagi. Antaranya setiap pakaian yang didermakan hendaklah dilabel dan diletakkan mengikut kategori atau berdasarkan saiz dan kegunaannya. Hal ini bagi memudahkan petugas di pusat penerimaan menyusun atur dan menyelia dengan baik.

Pakaian yang diderma hendaklah yang masih cantik dan boleh dimanfaatkan oleh penerima selain jangan dibiarkan mereka mengambilnya tanpa pengawasan. Hal ini bagi mengelakkan ia bercampur aduk hingga sukar dipilih orang kemudian.

Penerima perlu sentiasa diingatkan supaya mengambil apa yang diperlukan sahaja dan pastikan mereka menyusun semula dengan baik mana-mana pakaian yang tidak diperlukan.

Kewujudan sistem dan kawalan yang baik dapat membantu petugas mengenal pasti pakaian daripada kategori manakah yang masih diperlukan atau perlu lebih sumbangan.

Perkara ini mungkin dianggap remeh kepada sesetengah pihak, namun ia perlu mula diamalkan supaya setiap pakaian yang didermakan dapat diuruskan dan dimanfaatkan dengan baik.

Jika tiada sistem yang tersusun dilaksanakan, maka akan berulang lagi peristiwa timbunan baju terpakai di pusat-pusat penerimaan yang bukan sahaja sakit mata memandang tetapi akhirnya akan membawa kepada pembaziran.